



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : P.T.12016-07/4 (18)
Tarikh : 8 Disember 2019

YBhg. Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi bin Ibrahim
Pengerusi Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Selangor

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED – LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) UNTUK SEKOLAH DI NEGERI TERENGGANU

Dengan segala hormatnya surat tuan M/2019/11/3 bertarikh 27 November 2019 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu tiada halangan membenarkan pihak tuan mengadakan program tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 2.1 Pihak tuan hendaklah mematuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018- Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institut Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;**
- 2.2 Mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan serta mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah
- 2.3 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah;
- 2.4 Menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 2.5 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 2.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis ibu bapa / penjaga masing-masing (Surat Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga Murid) dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan berlaku;
- 2.7 Jika melibatkan aktiviti di air dan aktiviti di hutan **MESTI** menggunakan jurulatih yang mempunyai Bronze Medal dan bertauliah yang mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digunapakai oleh Pusat Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan nisbah **1 Jurulatih : 5 Murid;**

- 2.8 Semua perbelanjaan bagi pegawai, guru dan murid yang terlibat dengan aktiviti ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur dan tidak ada implikasi kewangan kepada sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 2.9 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dan arahan-arahan semasa berkenaan pelaksanaan aktiviti murid yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 2.10 Kelulusan ini adalah hanya untuk program yang dinyatakan dalam perancangan tersebut dan tamat tempohnya pada **31 Disember 2020**. Pihak tuan juga diminta menghantar laporan ringkas program (Lampiran 1) mengikut format yang dilampirkan bersama-sama surat ini selepas 2 minggu program selesai dijalankan.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Memperkasakan Transformasi Pendidikan'
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MATSOR BIN ISMAIL)
Timbalan Pengarah Pendidikan
(Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD)
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
Timbalan Pengarah Pendidikan (Sektor Pembangunan Murid)
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan.
- Makluman tuan.
- Makluman tuan.